

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SAW203 - Teori Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat/
SAW200 - Teori Sosial I

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Semua jawapan hendaklah disertai contoh-contoh yang merujuk kepada realiti sosial dalam masyarakat.

1. Apakah kesilapan-kesilapan yang perlu dielakkan oleh ahli-ahli sains sosial apabila hendak menghasilkan pengetahuan saintifik?
(100 markah)

2. Perhatikan satu realiti sosial dalam masyarakat Malaysia hari ini dan buatkan satu usulan kajian untuk mengkajinya serta nyatakan proses penyelidikan yang akan anda laksanakan untuk menghasilkan satu kajian saintifik.
(100 markah)

3. Pilih lima tokoh ahli antropologi dan kemukakan sumbangan kekuatan serta kelemahan kerangka teoritis masing-masing dalam menganalisis realiti sosial.
(100 markah)

4. Bincangkan perbezaan pandangan Francis Bacon dengan Karl Popper atau Auguste Comte dengan Karl Popper mengenai pembentukan teori dalam sains sosial.
(100 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan oleh Thomas Kuhn apabila beliau menganjurkan agar ahli sains sosial perlu melakukan anjakan paradigma untuk menghasilkan kajian yang boleh menyerlahkan realiti sosial?
(100 markah)

6. Huraikan kelebihan dan kekurangan strategi-strategi retroduktif dan abduktif yang digunakan dalam proses pembinaan teori sosial.
(100 markah)

7. Golongan cerdik-pandai dikatakan boleh merobah masyarakat. Berdasarkan teori tingkahlaku golongan cerdik-pandai yang dikemukakan oleh ahli-ahli sains sosial, anda dikehendaki membahaskan isu ketiadaan penglibatan tenaga akademik dan mahasiswa-mahasiswi dalam politik Malaysia masa kini.
(100 markah)

- oo oOo oo -